

DBKL roboh struktur tambahan halang laluan di Bukit Bintang

KUALA LUMPUR - Sembilan premis perniagaan membuat struktur tambahan sehingga menghalang laluan utama di sekitar Bukit Bintang dirobohkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi bersepadu di ibu negara.

Menurut DBKL, operasi bersepadu roboh struktur haram di atas rizab jalan awam tanpa kelulusan itu turut melibatkan kawasan rizab jalan dan parkir awam.

"Sebanyak sembilan premis perniagaan yang membuat struktur tambahan sehingga menghalang laluan utama telah dikenakan tindakan roboh serta-merta di bawah Akta Jalan, Parit dan bangunan 1974.

"Kesemua sisa struktur yang dirobohkan dilupuskan DBKL selepas tamat operasi bersepadu dijalankan," ujar pihak berkuasa tempatan itu menerusi hantaran di Facebook pada Sabtu.



Antara premis perniagaan membuat struktur tambahan sehingga menghalang laluan sekitar Bukit Bintang yang dirobohkan.



Operasi bersepadu turut merobohkan struktur haram di atas rezab jalan awam.